

14/08/2000

Tiga keputusan MT perlu disegera

Zulkofli Jamaludin; Wan Esuriyanti Wan Ahmad
KUALA LUMPUR, Ahad - Cawangan Umno di seluruh negara dicabar melaksanakan setiap keputusan Majlis Tertinggi (MT) bagi membuktikan kesungguhan mereka mengembalikan keyakinan orang Melayu terhadap parti.

Tiga keputusan yang perlu dimulakan segera ialah mewujudkan jawatankuasa penaja Puteri Umno pada peringkat cawangan, melatih ahli mendekati rakyat dan mengemukakan pandangan mengenai cadangan meminda perlembagaan parti.

Ketua Penerangan Umno, Datuk Mustapa Mohamad, ketika membuat cabaran itu berkata bahagian dan cawangan tidak harus menunggu sehingga penubuhan Puteri Umno pada peringkat Pusat untuk melaksanakan keputusan itu.

"Pemimpin cawangan dan bahagian perlu mengadakan kegiatan serta menerapkan nilai baru untuk mendekati orang Melayu, khususnya generasi muda bagi menjelaskan dasar perjuangan parti.

"Cabaran yang dihadapi Umno bukan dari luar, sebaliknya dari dalam parti sendiri sekiranya kita lebih mengutamakan perebutan jawatan daripada mendekati orang Melayu," katanya ketika menggulung Forum Cabaran dan Masa Depan Melayu di sini, hari ini.

Panel forum yang dianjurkan oleh Biro Penerangan Badan Perhubungan Umno Wilayah Persekutuan itu terdiri daripada tiga ahli MT iaitu Datuk Shafie Afdal, Datuk Ahmad Zahid Hamidi dan Azalina Othman Said.

Forum yang dirasmikan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Wilayah Persekutuan, Datuk Tengku Adnan Mansor itu dihadiri 506 pemimpin cawangan dan jawatankuasa semua 11 bahagian, termasuk Labuan.

MT bulan lalu bersetuju menubuhkan pasukan Puteri Umno bagi menarik minat lebih ramai golongan muda wanita menyertai parti itu.

Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata pasukan itu akan dipimpin dan dianggotai wanita berumur 40 tahun ke bawah.

Mustapa berkata, ahli perlu mempunyai kesungguhan dan semangat baru untuk mendekati rakyat serta menjelaskan kepada mereka mengenai pendekatan Umno mengembangkan syiar Islam.

"Kita harus bangun dari tidur dan bina keyakinan Umno yang sebenarnya memperjuangkan Islam dan tiada parti lain yang dapat mempertahankan kepentingan bangsa, agama dan negara," katanya.

Mustapa turut melahirkan rasa gembira kerana pendekatan parti mengadakan muzakarah bagi membolehkan ahli akar umbi memberi penerangan untuk dibawa kepada MT mendapat sambutan menggalakkan.

Beliau berkata, sambutan itu juga dapat membina keyakinan baru bagi membolehkan Umno menghadapi setiap masalah khususnya untuk mengembalikan pencapaian cemerlang Barisan Nasional pada pilihan raya umum akan datang.

Sehubungan itu, katanya, cawangan dan bahagian Umno perlu bergerak mendampingi rakyat dari sekarang serta mengelak pertandingan yang boleh menjejaskan perpaduan parti tahun depan.

(END)